


PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

1. Simpan kira merupakan proses
 - A Merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza
 - B Mengumpul, menyusun, menyimpan, merekod dan melapor rekod-rekod kewangan
 - C Merekod urusniaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan system catatan bergu
 - D Menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan.
- 2.. Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?
 - A Sistem perakaunan
 - B Konsep perakaunan
 - C Kitaran perakaunan
 - D Prinsip perakaunan

3. Rajah menunjukkan sebahagian daripada proses kitaran perakaunan



Apakah P?

- | | |
|----------|-----------------|
| A Lejar | C Buku Tunai |
| B Jurnal | D Imbangan Duga |
4. Pernyataan di bawah berkaitan sub bidang perakaunan.
Kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat
Apakah subbidang tersebut?
 - A Percukaian
 - B Pengauditan
 - C Perakaunan Kewangan
 - D Perakaunan Pengurusan
 5. Perakaunan merupakan proses
 - A Merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza
 - B Mengumpul, menyusun, menyimpan, merekod, melapor, menganalisa, mentafsir, merancang, menilai dan merumus
 - C Merekod urusniaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan system catatan bergu
 - D Menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan.

